

*Artikel Penyelidikan*

# Paluan Kompang Fatani: Irama Tradisi yang Mengukuhkan Identiti.

Nur Aina Nazihah Anuar<sup>1</sup>, Nurul Fatihah Razak<sup>2</sup>, Jafalizan Md Jali<sup>3\*</sup>

<sup>1</sup> Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; ainanazihah45@gmail.com

<sup>2</sup> Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; fatihah1603@gmail.com

<sup>3</sup> Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my);  0009-0009-7236-9863

Correspondence: [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my); +60192055563

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk menyelidik seni tradisional Melayu, dengan fokus utama ialah pada Pertubuhan Seni Kompang Fatani Malaysia, yang merupakan pertubuhan seni kompong yang sudah lama wujud di Tanah Melayu. Pengenalan kajian ini menekankan kepentingan seni kompong dalam memperkuuh identiti budaya dan perpaduan sosial dalam masyarakat. Melalui objektif kajian, kajian ini mengenal pasti sejarah pertubuhan seni kompong fatani, mengkaji teknik-teknik permainan serta nilai kemahiran asas yang diperlukan oleh pemain kompong. Mengikut tinjauan literatur, kajian ini menganalisis sejarah, teknik pembuatan, dan perubahan dalam penggunaan kompong dari zaman tradisional hingga ke era moden. Penyelidikan ini juga mengkaji pengaruh muzik kontemporari terhadap seni kompong, serta cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan relevansinya di kalangan generasi muda. Hasil kajian menunjukkan bahawa seni kompong bukan sahaja berfungsi sebagai alat muzik, tetapi juga sebagai simbol perpaduan dalam pelbagai acara tradisional dan keagamaan. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan sumber rujukan akademik yang mendalam mengenai seni kompong Fatani, yang menunjukkan perlunya lebih banyak penyelidikan dan dokumentasi. Kajian ini mencadangkan penggunaan platform digital untuk mempromosikan seni kompong dan menarik minat generasi muda, serta mengimbangi keperluan untuk mengekalkan tradisi dengan penyesuaian kepada kehendak semasa. Secara keseluruhan, kajian ini memberikan sumbangan penting dalam usaha memelihara dan mempromosikan seni budaya warisan Malaysia, serta menekankan peranan seni kompong dalam melestarikan identiti budaya masyarakat Melayu dalam dunia yang semakin global dan moden.

*Kata kunci:* Seni Kompang, Warisan Budaya, Identiti Melayu, Muzik Tradisional, Generasi Muda

DOI: 10.5281/zenodo.15003416

---



**Copyright:** © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Menurut kamus dewan dan Pustaka (2007), warisan ditakrifkan sebagai sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok Masyarakat daripada generasi terdahulu. Sebagaimana yang diketahui, warisan budaya di Malaysia adalah khazanah yang paling berharga untuk dipelihara kerana ianya bukan sahaja mencerminkan Sejarah dan identiti negara yang kaya dengan Sejarah, adat, serta tradisi turun temurun yang menjadi lambang suatu negara. Seperti yang diketahui, Malaysia mempunyai pelbagai kaum yang terdiri daripada melayu, cina, india serta kaum bumiputera seperti iban dan orang asli. Perbezaan ini bukan Sahaja berbeza dari segi rupa fizikal,

tetapi juga dari segi budaya, bahasa, adat seni yang telah diwariskan dari generasi ke generasi. Warisan budaya memainkan peranan penting untuk terus memastikan identiti rakyat Malaysia yang unik ini dikenalkan.

Menurut Anwar Omar Din (2008), Warisan budaya pada dunia kini merupakan sesuatu yang amat bernilai dan memaparkan jati diri bangsa negara. Perbentukan jati diri bangsa amat berkait dengan warisan budaya seperti kebudayaan, kesenian yang dihasilkan oleh masyarakatnya sendiri. Manakala menurut Mohd Yuszaidy Mohd (2015), Warisan budaya ketara boleh dibahagikan kepada dua iaitu berbentuk statik dan mudahalih. Warisan budaya ketara iaitu sesuatu yang tetap dan tidak bergerak. Manusia melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan ekonomi dan aktiviti-aktiviti sosial semasa usaha untuk memenuhi keperluan kehidupan. Ini menghasilkan bangunan, monumen, mercu tanda dan artifak seperti patung, busana, batu nesan dan manik yang di lihat dari sudut seni binadan hiasan ukiran motif dan corak pada dinding dan tiang bangunan. Melalui warisan budaya, identiti dan jati diri rakyat Malaysia semakin kukuh. Rakyat Malaysia boleh mengenali asal usul dan sejarah nenek moyang mereka kerana amalan dan tradisi yang telah wujud sejak berabad-abad lamanya. Misalnya, seni pertukangan tangan tradisional seperti tenunan songket, ukiran kayu, dan anyaman rotan mempunyai nilai moral dan sejarah selain menampilkan keindahan tradisional. Sebagai contoh, songket ialah kain tenunan yang sering digunakan dalam majlis rasmi Melayu dan merupakan simbol status sosial. Ia mempunyai motif yang menunjukkan kehalusan dan kepercayaan seni Melayu. Identiti bangsa boleh dipertahankan dengan memahami seni dan tradisi ini.

Tambahan pula, bahasa juga menjadi salah satu daripada warisan budaya yang penting. Terdapat pelbagai bahasa yang digunakan untuk berinteraksi lazimnya bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan hingga bahasa-bahasa ibunda seperti Mandarin, Tamil, Kadazandusun, dan Iban, terdapat banyak bahasa dan dialek yang digunakan di Malaysia. Komunikasi yang digunakan oleh orang ramai untuk berhubung adalah Bahasa di mana ianya berperanan sebagai alat untuk menyampaikan adat, budaya serta perspektif hidup masyarakat. Di Malaysia, penggunaan bahasa kebangsaan atau dikenali bahasa ibunda oleh masyarakat pelbagai kaum telah menunjukkan bahawa kepelbagaian budaya negara dan memainkan peranan penting dalam membina jati diri.

Rakyat Malaysia boleh memahami dan menghormati adat dan agama orang lain melalui penghayatan dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya. Perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, dan Pesta Kaamatan adalah contoh bagaimana orang yang terdiri dari pelbagai latar belakang serta kaum dapat berkumpul dan berkongsi kegembiraan tanpa mengira perbezaan etnik dan agama. Rakyat boleh berinteraksi antara satu sama lain, membina ikatan yang lebih kukuh dan memahami antara satu sama lain melalui amalan ziarah-menziarahi dan rumah terbuka semasa perayaan. Di samping itu, Masyarakat berbilang kaum boleh menyaksikan keunikan seni budaya masing-masing apabila seni tradisional seperti tarian zapin, joget dan tarian singa sering dipersembahkan semasa majlis rasmi dan perayaan. Mereka bukan sahaja mempelajari pengalaman budaya baharu, tetapi mereka juga belajar menghormati kepelbagaian budaya yang ada. Warisan budaya digunakan dalam keadaan ini untuk meningkatkan perpaduan dan keharmonian di Malaysia.

Selain itu, Warisan budaya memainkan peranan penting dalam sektor pelancongan di Malaysia. Keunikan budaya tradisional dari segi makanan, seni bina bersejarah dan budaya tradisional yang unik telah menarik minat dan perhatian pelancong dari dalam dan luar negara untuk berkunjung serta melawati tempat tersebut telah menyumbangkan peningkatan ekonomi negara dari segi sektor pelancongan di Malaysia. Sebagai contoh, dari perkampungan tradisional hingga ke bandar-bandar

bersejarah yang menyimpan jutaan cerita serta peristiwa terdahulu seperti Melaka dan Pulau Pinang telah menawarkan pelbagai pengalaman pelancongan budaya yang pelbagai.

Justeru itu, warisan budaya di Malaysia menjadi elemen asas yang bukan Sahaja melambangkan identity dan jati diri negara akan tetapi menjadi pemacu kepada perpaduan nasional sesama masyarakat yang akan dapat lagi memupuk semangat patriotisme. Kerajaan, para pendidik, masyarakat serta badan berkaitan perlulah menjalankan tanggungjawab untuk mengatasi pelbagai cabaran dalam memelihara warisan budaya supaya ianya tidak pupus ditelan arus zaman.

Menurut Perbadanan Pengurusan Warisan Negara (2025), seni muzik adalah salah satu cabang seni yang melibatkan bunyi-bunyian sama ada melalui suara, alam semula jadi, persekitaran mahupun peralatan yang dihasilkan oleh manusia untuk mengeluarkan bunyi yang berirama. Muzik yang berkualiti mampu menggambarkan pemikiran, emosi dan kadang kala persekitaran budaya si pencipta muzik tersebut. Dalam erti kata persembahan, muzik adalah bentuk persembahan langsung yang dipersembahkan dengan cara kreatif kepada penonton sama ada secara solo mahupun berkumpulan. Seiring dengan peredaran zaman, pelbagai jenis genre muzik telah mula berkembang pesat dan mampu mempengaruhi masyarakat di Malaysia terutamanya genre muzik yang bersifat tradisional khusus bagi masyarakat melayu.

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka, kompong adalah sejenis rebana yang dipukul beramai-ramai yang menghasilkan bunyi yang riuh rendah dan biasanya terdapat di majlis perkahwinan. Masyarakat Melayu Malaysia sangat menyukai muzik kompong, terutamanya. Penggunaan kompong sentiasa mendapat tempat di pelbagai majlis seperti majlis perkahwinan serta majlis keagamaan. Walau bagaimanapun, muzik kompong menghadapi kesukaran untuk dikekalkan walaupun ia telah diketahui ramai sejak dari dulu kala. Semasa era globalisasi dan pemodenan, minat generasi muda terhadap muzik tradisional, seperti kompong semakin berkurangan.

Walau bagaimanapun, muzik kompong menghadapi kesukaran untuk dikekalkan walaupun ia telah diketahui ramai sejak dari dulu kala. Semasa era globalisasi dan pemodenan, minat generasi muda terhadap muzik tradisional, seperti kompong semakin berkurangan. Kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan sejarah dan perkembangan kompong, mengenalpasti teknik-teknik permainan yang digunakan, mengenal pasti ciri-ciri yang pelu ada pada pemain kompong serta memahami peranan dan pengaruhnya dalam 6 kalangan generasi muda. Melalui pendekatan sejarah lisan, projek ini akan mengumpulkan pengalaman dan cerita daripada penggiat seni yang terlibat secara langsung dengan penggunaan kompong. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pemahaman yang lebih luas tentang alat muzik tradisional ini serta menggalakkan usaha pemeliharaan budaya.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian mengenai kompong masih lagi terhad serta ianya kebanyakannya umum Dimana maklumat hanyalah disampaikan secara lisan dari generasi ke generasi. Jika tidak ada dokumentasi lisan yang dilakukan ianya akan membuatkan maklumat serta pengetahuan yang berharga akan lenyap begitu Sahaja walaupun kompong telah terkenal sebagai alat muzik tradisional di Malaysia. Antaranya ialah, kehilangan pengetahuan dan Teknik tradisional di kalangan generasi muda. Kehilangan pengetahuan dan kaedah tradisional di kalangan generasi muda merupakan cabaran untuk pengkaji kompong. Memetik artikel oleh Norhasimah Ismail (2020), perlancungan warisan budaya memainkan peranan penting dalam memberikan kesedaran kepada generasi muda betapa pentingnya menjaga serta memelihara seni tradisional. Hal ini demikian kerana, generasi muda pada masa kini tidak lagi tertarik untuk mempelajari serta mendalami teknik atau cara permainan alat muzik

tradisional yang seharusnya mereka pelihara. Jika tidak ada usaha untuk mendokumentasikan dan mempromosikan seni ini, bukan sahaja generasi akan datang berisiko tidak mengenali dan menghargai seni muzik yang merupakan sebahagian daripada warisan budaya negara, tetapi juga dapat mengakibatkan hilangnya identiti budaya yang kaya.

Selain itu, antara permasalahan kajian ialah Pengaruh globalisasi dan budaya moden. Pada zaman yang serba canggih ini, budaya asing telah diserap masuk dalam masyarakat Malaysia yang menyebabkan muzik tradisional warisan seperti kompong menjadi tidak dihiraukan. Ini mengancam kelangsungan seni dan budaya tempatan serta mengurangkan minat dalam kompong. Warisan budaya yang sepatutnya menjadi kebanggaan negara akan hilang jika masyarakat tidak berusaha untuk terus memelihara dan mengekalkan warisan ini. Dalam kajian lepas oleh Zawawi Ibrahim (2008), menyatakan bahawa pengaruh budaya asing dalam masyarakat Malaysia semakin membimbangkan kerana boleh menyebabkan pengancaman dalam pemeliharaan budaya tempatan yang dapat mengancam identiti nasional.

Di samping itu, ketiadaan penglibatan aktif komuniti dalam promosi kompong melalui media digital menjadi salah satu permasalahan kajian yang timbul. Ajian oleh Nur Zaheera Zailan Kamaruddin dan Hasrul Hashim (2024) menegaskan bahawa tanpa inisiatif yang menyokong penyebaran maklumat tentang kompong di platform digital seperti Instagram dan YouTube, seni ini berisiko dilupakan. Penglibatan komuniti yang rendah menyebabkan interaksi dan kesedaran terhadap kompong menjadi minimum, merugikan usaha pemeliharaan dan penerusan seni tradisional ini dalam masyarakat moden. Tanpa promosi yang berkesan, identiti budaya yang dibawa oleh kompong mungkin akan hilang, menjadikannya penting untuk melibatkan masyarakat secara aktif dalam usaha mempromosikan seni ini melalui saluran digital yang sesuai.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

- a) Mengenal pasti sejarah pertubuhan Seni Kompang Fatani.
- b) Mengkaji teknik-teknik permainan yang digunakan oleh pemain-pemain dalam Seni Kompang Fatani.
- c) Menilai kemahiran asas yang diperlukan oleh pemain kompong.

### **4. persoalan kajian**

- a) Apakah sejarah pertubuhan Seni Kompang Fatani?
- b) Apakah teknik-teknik permainan kompong yang digunakan oleh pemain-pemain dalam Seni Kompang Fatani?
- c) Apakah kemahiran asas yang diperlukan oleh pemain kompong?

### **5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kepentingan dan sumbangan kajian mengenai pertubuhan seni kompong Fatani di Malaysia adalah sangat besar, terutama dalam usaha memelihara dan memperkasa warisan budaya tradisional. Seni kompong merupakan salah satu elemen penting dalam tradisi masyarakat Melayu, khususnya di Malaysia. Pertubuhan seni seperti kompong Fatani memainkan peranan utama dalam memastikan seni

permainan kompong tidak hilang ditelan arus pemodenan. Melalui kajian ini, sejarah penubuhan, objektif, dan usaha pertubuhan seni kompong Fatani dapat didokumentasikan dengan lebih terperinci. Dokumentasi ini penting sebagai rujukan kepada generasi muda dan pengkaji seni budaya di masa hadapan.

Selain itu, kajian ini juga membantu untuk memahami teknik permainan kompong Fatani yang mungkin berbeza daripada aliran atau kumpulan kompong lain. Seni permainan kompong bukan sahaja melibatkan irama dan rentak, tetapi juga memerlukan kemahiran dan pemahaman yang mendalam tentang simbolisme dan makna yang terkandung dalam persembahannya. Melalui kajian ini, teknik permainan yang diwarisi secara turun-temurun dapat direkodkan dan dipelajari oleh generasi akan datang. Dengan cara ini, seni kompong dapat terus berkembang tanpa menghilangkan keaslian dan identiti tradisionalnya.

Kajian ini turut memberi sumbangan kepada pembangunan seni budaya di Malaysia dengan membuka ruang untuk inovasi dan penyesuaian seni kompong dalam konteks moden. Sebagai contoh, pengaruh muzik kontemporari dapat dilihat dalam persembahan seni kompong yang semakin berkembang dan diterima oleh generasi muda. Dengan memahami pengaruh moden ini, pertubuhan seni seperti kompong Fatani boleh mengimbangi keperluan untuk mengekalkan tradisi sambil menyesuaikan diri dengan kehendak semasa. Ini secara tidak langsung dapat menarik minat lebih ramai orang, terutama golongan muda, untuk mempelajari dan menyertai seni permainan kompong.

Dari sudut sosio-budaya, kajian ini juga memberikan pengiktirafan kepada peranan penting pertubuhan seni kompong Fatani dalam memupuk perpaduan komuniti. Dalam banyak acara tradisional dan keagamaan, kompong bukan sahaja menjadi alat muzik, tetapi juga simbol perpaduan dan kerjasama. Pertubuhan seni seperti ini membantu untuk mengukuhkan ikatan sosial dalam kalangan masyarakat melalui aktiviti yang dianjurkan, seperti latihan, bengkel, dan persembahan. Secara keseluruhan, kajian mengenai pertubuhan seni kompong Fatani memberi manfaat yang besar dalam memelihara seni budaya warisan, mendokumentasikan teknik permainan tradisional, dan mempromosikan seni kompong di peringkat nasional dan antarabangsa. Ia juga menyumbang kepada usaha melestarikan identiti budaya masyarakat Melayu dalam dunia yang semakin global dan moden.

## **6. TINJAUAN LITERATUR (Bilangan Rujukan Sekurang-kurangnya 10 Termasuk Bahan Rujukan Arkib)**

Tinjauan literatur bagi kajian ini akan meneliti pelbagai kajian lepas dan artikel berkaitan alat muzik tradisional kompong, serta kajian yang lebih umum mengenai alat muzik tradisional dalam konteks budaya Melayu. Analisis ini akan memberi tumpuan kepada sejarah, fungsi, teknik permainan, serta perubahan dalam penggunaan kompong dalam masyarakat kontemporari.

### **6.1 Pengenalan kepada Teknik Pembuatan Kompong.**

Mengikut kajian yang dijalankan oleh JKKN Selangor iaitu Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara yang terdapat pada laman sesawang, mereka telah merungkai tentang Teknik atau cara pembuatan kompong yang menggunakan bahan-bahan tradisional seperti kulit haiwan dan kayu. Kajian ini juga menarik perhatian kepada variasi kompong mengikut negeri, di mana jenis irama dan gaya permainan berbeza berdasarkan tradisi setempat. Ini jelas kelihatan bahawa kompong turut menjadi symbol identity budaya yang berbeza di setiap wilayah. Akan tetapi, kajian yang dilakukan ini masih belum cukup memberikan gambaran bagaimana Teknik kompong tradisional ini dapat

bertahan dan kekal relevan pada masa kini serta sejauh mana ianya dapat digabungkan dengan elemen muzik moden bagi menarik minat generasi muda yang bakal menjadi pewaris. Isu ini penting kerana ianya menyentuh tentang kesinambungan warisan budaya dalam Masyarakat yang semakin maju dan berteknologi. Jadi, tinjauan literatur ini bukan Sahaja menyenaraikan hasil kajian JKKN Selangor, tetapi lebih kepada melihat di mana ruang kajian lanjutan diperlukan. Kajian ini telah menimbulkan soalan-soalan temubual yang lebih mendalam. Sebagai contoh, apakah pandangan pemuzik muda kini terhadap kompong tradisional serta peluang untuk menggabungkan elemen moden dalam permainan kompong.

## 6.2 Pendekatan Euritmiks dalam permainan kompong

Selain itu, Menurut kajian yang dijalankan (Md Jais Ismail, Loo Fung Chiat, & Mohd Sham Kamis, 2019) "Koordinasi Menyanyi sambil bermain kompong kanak-kanak menggunakan Pendekatan Euritmiks" telah menimbulkan pandangan baru terhadap cara permainan alat muzik tradisional kompong di kalangan kanak-kanak. Pendekatan euritmiks, yang menekankan perpaduan antara pergerakan tubuh dan muzik telah berpotensi besar untuk meningkatkan koordinasi motor halus serta pemahaman muzik dalam kalangan pemain muda.

Teknik bermain kompong yang lebih interaktif dan holistik adalah tunjang kajian ini. Ia menunjukkan bahawa kanak-kanak boleh mempelajari ritma dan melodi dengan lebih baik dengan cara menggabungkan nyanyian dan permainan kompong. Ini selaras dengan keputusan kajian lain yang menekankan bahawa pembangunan kemahiran muzik memerlukan pengalaman muzik yang menyeluruh. Walau bagaimanapun, satu isu yang mungkin terdapat dalam kajian ini ialah ia tidak menumpukan pada pelbagai teknik yang digunakan oleh pemain yang lebih berpengalaman, yang mungkin memberikan perbezaan dengan teknik yang dipelajari oleh kanak-kanak.

## 6.3 Pemeliharaan dan Cabaran Penggunaan Kompong dalam Era Moden

Menurut Kajian yang bertajuk "Pengekalan Budaya Melayu dalam Masyarakat melayu kampung padang balang, Gombak" yang ditulis oleh Nur Qhairun Nabiha Hussin dan Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2021), kajian ini telah meneliti Langkah dalam memelihara warisan budaya mereka di tengah arus pmodenan dan globalisasi. Hasi kajian ini mendapati bahawa Masyarakat tersebut telah melaksanakan pelbagai Langkah seperti mengadakah pelbagai aktiviti kebudayaan, termasuk persembahan kompong bagi memastikan tradisi ini telah kekal. Oleh demikian, mereka bukan Sahaja memelihara identity budaya mereka, namun mereka juga telah mengukuhkan hubungan social dalam komuniti.

Kajian ini terutamanya menekankan usaha komuniti yang membantu orang ramai mengambil bahagian dalam aktiviti kebudayaan, yang secara langsung menyumbang kepada pemeliharaan alat muzik tradisional seperti kompong. Kanak-kanak belajar tentang nilai budaya yang berkaitan dengan kompong melalui aktiviti ini.

Walau bagaimanapun, kelemahan kajian ini ialah ia tidak melakukan analisis yang lebih mendalam tentang kaedah permainan kompong yang diajarkan kepada generasi muda, serta cara mereka memperoleh dan mengekalkan tradisi ini. Ini menunjukkan bahawa terdapat kekurangan maklumat dalam literatur yang ada yang perlu diperbaiki, terutamanya berkaitan dengan cara permainan kompong diajar dan cara generasi muda terlibat dalam mengekalkan warisan muzik ini.

#### 6.4 Evolusi Kompang di Nusantara

Kajian oleh Wa'Iz (2020) membincangkan evolusi kompong di Nusantara, bermula dari asal usulnya yang dipercayai berasal dari Tanah Arab dan dibawa ke rantau ini sejak abad ke-13. Kompang kemudian diadaptasi dan diintegrasikan dalam budaya Melayu, dengan pengaruh kuat Islam yang menjadikannya alat muzik penting dalam majlis keagamaan seperti Marhaban dan Berzanji. Kajian ini mendapati bahawa kompong bukan sahaja merupakan alat muzik tetapi juga menjadi tempat untuk menyampaikan nilai sosial dan keagamaan. Wa'Iz juga menekankan bahawa teknik permainan, repertoire muzik dan konteks persembahan yang merangkumi muzik moden telah berubah, yang menunjukkan keupayaan kompong untuk menyesuaikan diri dengan perubahan zaman. Selain itu, apabila dia berinteraksi dengan budaya asing seperti India dan China, teknik dan gaya permainannya menjadi lebih baik, yang mencerminkan sifat dinamik seni muzik Nusantara. Memahami sejarah dan adaptasi kompong adalah penting untuk mengekalkan warisan budaya dan identiti masyarakat Melayu. Kajian ini membolehkan kajian lanjut mengenai kesan globalisasi terhadap muzik tradisional.

#### 6.5 Pertandingan Kompang dan Persembahan Rebana

Menurut Bernama (2024), acara ini bertujuan memperkuuh jaringan budaya serumpun dengan penyertaan negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, dan Singapura. Melalui acara ini, selain mempromosikan warisan muzik tradisional, ia juga memberi platform bagi pencarian bakat baru dalam seni muzik. Salah satu aspek penting yang dititikberatkan adalah usaha untuk memastikan kesinambungan seni kompong dalam kalangan generasi muda, yang memainkan peranan besar dalam mengekalkan identiti budaya Melayu. Keberhasilan acara ini turut dilihat sebagai langkah positif untuk menarik perhatian pelancong antarabangsa dan memperkenalkan seni muzik tradisional Nusantara ke pentas dunia. Dengan skala besar dan penyertaan dari negara serumpun, acara ini juga menggalakkan kerjasama budaya dan membuka ruang bagi pertukaran idea serta pengalaman dalam dunia muzik tradisional. Selain itu, artikel ini juga menggariskan betapa pentingnya penglibatan komuniti dalam menjaga warisan budaya melalui aktiviti seperti ini, yang tidak hanya terbatas kepada persembahan, tetapi turut melibatkan latihan dan pendidikan seni kepada golongan muda. Ini memberi impak jangka panjang dalam memastikan tradisi ini terus hidup dan relevan dalam masyarakat moden.

#### 6.6 Kekurangan Sumber Bahan Rujukan

Sumber Rujukan	Hasil Carian
Online Finding Aids (OFA)	Carian bagi kata kunci "kompang" di laman web Online Finding Aids (OFA), yang merupakan platform rasmi Arkib Negara Malaysia untuk memudahkan akses kepada pelbagai dokumen dan bahan arkib. Ia menunjukkan bahawa terdapat 36 hasil yang direkodkan, namun apabila diteliti dengan lebih lanjut, hanya 6 daripadanya berupa dokumen manakala selebihnya, iaitu 30 hasil, adalah maklumat berkaitan gambar.

Google	Carian bagi kata kunci “kompang di Malaysia” di platform Google. Ia menunjukkan hanya sebanyak 181 bahan sahaja mengenai kompong yang boleh diperoleh di platform Google.
Google scholar	Hasil carian artikel mengenai kompong di platform Google Scholar sebanyak 656 bahan sahaja. Ia membuktikan bahawa kekurangan sumber rujukan kepada pengkaji.
YouTube	Hanya video yang berkaitan pertandingan dan seni persembahan sahaja yang boleh dijumpai manakala video yang menerangkan mengenai kompong itu sendiri dengan lebih terperinci adalah amat terhad.
Emerald Insight	Berdasarkan hasil carian tersebut, jelas kelihatan bahawa tiada artikel, jurnal, atau sumber rujukan yang berkaitan dengan topik tersebut tersedia di platform ini.

## 7. METODOLOGI

Terdapat beberapa kaedah kajian yang digunakan dalam kajian mengenai kompong ini, iaitu temubual, analisis, dan pengumpulan data. Ketiga-tiga kaedah ini dipilih bagi mendapatkan hasil kajian yang menyeluruh dan mendalam tentang sejarah pertubuhan, teknik permainan, dan kemahiran asas yang digunakan oleh Seni Kompang Fatani. Kaedah temubual akan dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat daripada individu yang berpengalaman dalam permainan kompong. Temubual ini akan dijalankan secara bersemuka atau melalui platform dalam talian. Penyelidik menjalankan temubual secara atas talian melalui aplikasi iaitu aplikasi “Whatsapp” manakala penyelidik juga menjalankan temubual secara bersemuka dengan tokoh – tokoh yang terlibat.

Selain itu, kaedah analisis pula akan digunakan untuk menilai dan memahami perubahan teknik permainan dan penggunaan kompong dari zaman tradisional hingga ke era moden. Kajian ini akan melibatkan analisis teks, dokumen, dan bahan media, seperti rakaman video atau audio yang melibatkan permainan kompong. Kaedah ini dilakukan untuk memahami perbezaan yang wujud serta bagaimana alat muzik ini telah diubah suai untuk memenuhi keperluan muzik semasa. Selain itu, analisis juga akan dilakukan terhadap bahan-bahan bertulis seperti buku, artikel jurnal, dan kertas kajian yang telah diterbitkan, bagi mendapatkan pandangan akademik mengenai perkembangan kompong.

Kaedah pengumpulan data akan melibatkan pengumpulan maklumat daripada pelbagai sumber. Ia merangkumi data yang diperoleh melalui temubual, manakala sumber sekunder merangkumi kajian literatur seperti buku, artikel jurnal, dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kompong. Penyelidik akan mencatatkan setiap pemerhatian secara terperinci, termasuk aspek-aspek

seperti formasi pemain kompong, interaksi antara pemain, dan bagaimana permainan kompong disesuaikan mengikut suasana majlis. Data yang dikumpulkan ini akan dianalisis secara kualitatif untuk memberi gambaran menyeluruh tentang penggunaan kompong dari pelbagai perspektif.

## 7.2 PESERTA KAJIAN

Tuan Haji Mohd Salleh Bin Dato Haji Mohd Said dilahirkan pada tahun 1952 di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Beliau membesar di Kuala Lumpur dan kini menetap di Taman Sri Keramat Tengah, Ulu Kelang, Selangor. Tuan Haji Mohd Salleh merupakan seorang tokoh yang amat disegani dalam bidang seni muzik tradisional, khususnya kompong. Beliau adalah pengasas dan guru utama bagi Seni Kompang Fatani, sebuah pertubuhan yang memfokuskan kepada seni dan teknik permainan kompong tradisional.

Sebagai individu yang memiliki pengetahuan mendalam dan pengalaman luas dalam bidang ini, beliau telah banyak menyumbang kepada perkembangan dan pemeliharaan seni kompong di Malaysia. Pengkaji memilih beliau sebagai responden kerana kedudukannya yang penting dalam Pertubuhan Seni Kompang Fatani, menjadikannya sumber yang sangat sesuai untuk menceritakan sejarah, teknik, dan perkembangan pertubuhan tersebut. Dengan wawasan dan pengalaman beliau, kajian mengenai kompong dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci, sekali gus memberikan gambaran yang jelas tentang seni tradisional ini.

Tambahan pula, pemilihan beliau sebagai tokoh utama dalam kajian ini dianggap sangat tepat kerana Tuan Haji Mohd Salleh bukan sahaja pakar dalam seni kompong tetapi juga seorang yang berdedikasi dalam usaha memastikan warisan ini terus hidup dan dikenali oleh generasi muda.

## 7.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Prosedur pengumpulan data bagi kajian ini akan dilaksanakan melalui langkah-langkah sistematik yang dimulakan dengan penetapan objektif kajian, yang memberi tumpuan kepada sejarah, teknik permainan, dan kemahiran asas. Proses pengumpulan data akan melibatkan temu bual secara langsung dengan Tuan Haji Mohd Salleh Bin Dato Haji Mohd Said yang merupakan pengasas serta guru utama Pertubuhan Seni Kompang Fatani Malaysia yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang alat muzik tradisional kompong.

Sesi temu bual akan dijadualkan berlangsung selama 2 jam, di mana soalan-soalan yang telah disediakan akan digunakan untuk menggali maklumat mendalam tentang pandangan beliau mengenai kompong, termasuk aspek teknik permainan dan peranannya dalam budaya Melayu. Penyelidik akan mempunyai peluang untuk bercakap secara langsung dengan Tuan Haji Mohd Salleh semasa temu bual secara peribadi. Metodologi ini membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan melihat bahasa tubuh dan reaksi responden, yang boleh memberikan konteks tambahan kepada jawapan mereka. Sesi temu bual akan dirakam dengan persetujuan Tuan Haji Mohd Salleh untuk memastikan semua maklumat yang diperoleh disimpan dengan betul. Setelah sesi selesai, rakaman akan ditranskripsikan untuk analisis yang lebih terperinci, di mana penyelidik akan mengenal pasti tema-tema utama serta bagaimana maklumat yang dikumpul berkaitan dengan objektif kajian. Dengan cara ini, diharapkan kajian ini dapat memberikan wawasan yang lebih mendalam tentang usaha pemeliharaan kompong dalam masyarakat serta isu-isu yang dihadapi dalam proses tersebut.

## 8. HASIL KAJIAN

Kajian ini telah menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai warisan seni budaya dan alat muzik tradisional kompong. Oleh itu, terdapat beberapa hasil kajian yang dapat diketengahkan dalam kajian ini.

### Sejarah Penubuhan

Era Pertubuhan Seni Kompang Fatani Malaysia bermula pada tahun 1940-an sebelum kemerdekaan Tanah Melayu, diasaskan oleh dua individu dari Bentan, Indonesia, iaitu Kang Munjai dan Kang Jasman. Ramli bin Dawam yang merupakan seorang pelajar mereka telah membawa tradisi ini ke Melaka. Setelah berpindah ke Selangor, beliau melatih murid - murid dan mendaftarkan Persatuan Kompang dan Silat Ezhar pada tahun 1977 dengan Ramli sebagai guru utama dan Cikgu Mohd Saleh bin Mohd Said sebagai setiausaha. Persatuan ini berkembang pesat, dan pukulan kompong Ezhar menjadi elemen penting dalam pelbagai acara seperti sambutan Hari Kebangsaan dan musabaqah al-Quran.

Namun, pada tahun 1978, berlaku perpecahan dalam Persatuan Kompang dan Silat Ezhar. Cikgu Mohd Saleh dan beberapa jurulatih lain meninggalkan persatuan atas restu Ramli bin Dawam. Mereka berusaha menuju pertubuhan baru tetapi menghadapi cabaran besar sehingga persetujuan dicapai untuk mendaftarkan kesenian tersebut di bawah nama Persatuan Kompang Fatani Malaysia.

Era baru bermula dengan Cikgu Mohd Saleh sebagai pengurus, dibantu oleh Cikgu Yahaya dan sahabat seperguruan lain. Mereka membuka lebih banyak cawangan, melatih jurulatih, dan mengembangkan kesenian kompong Fatani ke pelbagai tempat. Persatuan ini mendapat pengiktirafan kerajaan apabila diminta mengiringi pasukan bola sepak negara ke Seoul, Korea Selatan, dalam Pesta Bola Merdeka, dengan 200 ahli memalu kompong di stadium utama Seoul.

Impian Persatuan Kompang Fatani Malaysia tercapai apabila ia didaftarkan secara rasmi pada tahun 2008 dengan nombor pendaftaran 0993-08-SEL. Pertubuhan ini terus berkembang dengan keahlian di seluruh negara.

### Teknik Permainan

Teknik permainan kompong yang jelas dan teratur amat penting dalam memastikan persembahan yang berkualiti. Dalam Pertubuhan Seni Kompang Fatani Malaysia, ahli-ahli diajar beberapa teknik permainan kompong. Salah satu teknik utama adalah cara memegang kompong, di mana pemain diajar cara yang betul untuk memegang alat muzik ini dengan satu tangan di bahagian tepi dan satu lagi di bahagian tengah, memastikan kawalan yang baik semasa bermain ianya juga menjadi salah satu syarat untuk menjadi seorang pemain kompong ianya mestilah boleh memegang kompong. Antara tekniknya ialah apabila pemain menepuk di bahagian tengah mestilah dengan cara membuka tangan dan kembangkan tangan. Namun apabila pemain menepuk di tepi ianya perlu dilakukan dengan cara kuncupkan tangan. Di situ akan menghasilkan bunyi yang kelainan iaitu jika di tengah, bunyi yang dihasilkan ialah "pang", dan di bawah "ding". Dengan penguasaan teknik-teknik ini, ahli Pertubuhan Seni Kompang Fatani Malaysia dapat mempersembahkan seni kompong dengan lebih berkesan, mengekalkan keaslian dan keindahan muzik tradisional ini dalam setiap acara yang dihadiri. Dalam seni kompong, terdapat tiga jenis paluan iaitu Paluan Bertih, Paluan Kompong Baru dan Paluan Rancak Ketiga-tiga paluan ini mempunyai konsep yang sama, iaitu tujuh dan sembilan.

## Kemahiran Asas

Antara Kemahiran asas yang diterapkan dalam Pertubuhan Seni Kompang Fatani Malaysia merangkumi beberapa aspek penting yang diperlukan untuk memainkan kompong dengan baik. Kemahiran asas yang diperlukan antaranya setiap pemain perlukah mempunyai sikap berdisiplin yang merupakan kunci. Dimana setiap pemain perlu sentiasa fokus semasa latihan untuk memastikan ianya berjalan dengan lancar. Disiplin ini bukan sahaja melibatkan kehadiran yang konsisten dalam sesi latihan, tetapi juga meliputi sikap positif dan komitmen untuk belajar. Pemain diajar untuk menghormati masa latihan, mengikuti arahan pengajar, dan berusaha untuk memperbaiki diri secara berterusan. Selain itu, mereka juga diajar untuk mengatasi cabaran dan kekurangan yang mungkin dihadapi semasa proses pembelajaran, yang membantu membentuk karakter dan ketahanan mental. Latihan juga difokuskan kepada peningkatan koordinasi tangan dan mata, yang sangat penting untuk memastikan pukulan yang tepat dan ritma yang konsisten. Pemain diajar untuk mengintegrasikan pergerakan tangan dengan visualisasi irama, yang membantu dalam menghasilkan bunyi yang harmoni. Di samping itu, kerjasama dalam kumpulan juga ditekankan, di mana setiap individu memainkan peranan penting dalam menghasilkan muzik yang harmoni. Latihan berkumpulan dilakukan untuk membina keserasian dan pemahaman antara pemain, memastikan bahawa setiap persempahan adalah hasil kerja sama yang baik.

## Pengaruh Kompang terhadap Pembentukan Identiti Budaya

Dalam hasil kajian mengenai seni kompong, pengaruh kompong terhadap pembentukan identiti budaya masyarakat merupakan salah satu hasil kajian yang dapat diketengahkan. Seperti yang diketahui kompong bukan hanya berfungsi sebagai alat muzik, tetapi juga telah sebagai simbol warisan budaya yang menghubungkan generasi lama dan baru. Melalui persembahan kompong, masyarakat dapat merasai dan menghargai nilai-nilai tradisional yang telah diwarisi, sekaligus memperkuuhkan rasa kebersamaan dan identiti. Kajian menunjukkan bahawa aktiviti berkaitan kompong, seperti persembahan di majlis keraian dan acara budaya, membantu dalam memupuk rasa cinta terhadap budaya Melayu dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara warisan muzik tradisional.

Kompang juga berperanan dalam menyampaikan mesej dan nilai-nilai moral yang penting dalam masyarakat. Melalui zikir dan irama yang dimainkan, ia dapat menggambarkan cerita dan pengalaman hidup masyarakat Melayu, menjadikannya sebagai medium untuk mendidik generasi muda tentang sejarah dan budaya mereka. Dengan melibatkan generasi muda dalam aktiviti ini, ia bukan sahaja memastikan kelangsungan seni kompong, tetapi juga memperkuuhkan jati diri dan kebanggaan masyarakat terhadap warisan budaya mereka. Kesimpulannya, seni kompong memainkan peranan yang penting dalam memelihara dan mempromosikan identiti budaya, di samping menjadi medium hiburan yang menghiburkan dan mendidik masyarakat.

## 9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, melalui kajian mengenai kompong di Malaysia ini menunjukkan bahawa kompong bukan sahaja merupakan alat muzik tradisional yang penting dalam budaya masyarakat Melayu, tetapi juga merupakan simbol warisan yang perlu dipelihara. Kajian ini telah mengungkap sejarah panjang kompong serta perkembangannya dalam pelbagai acara tradisional seperti perkahwinan, majlis keagamaan, dan upacara adat. Kompong bukan sahaja memainkan peranan sebagai pengiring muzik, tetapi juga membawa nilai-nilai simbolik yang berkait rapat dengan adat dan identiti masyarakat.

Kesimpulan bagi pendokumentasian lisan mengenai kajian pertubuhan seni kompong Fatani menunjukkan bahawa seni ini mempunyai nilai warisan yang amat tinggi dan berperanan penting

dalam memelihara identiti budaya Melayu. Walaupun seni kompong Fatani terus diamalkan dalam pelbagai majlis tradisional seperti perkahwinan, khatam al-Quran, dan acara rasmi, pendokumentasiannya secara lisan membuktikan wujudnya kekurangan dari segi usaha formal untuk merekodkan sejarah, teknik, dan signifikansinya kepada masyarakat moden. Melalui wawancara dengan individu yang terlibat secara langsung dalam seni ini, termasuk pengasas, jurulatih, dan pemain, diperoleh gambaran jelas tentang usaha gigih komuniti untuk memastikan seni kompong Fatani tidak luput ditelan arus kemodenan. Namun, kekangan seperti kekurangan sumber rujukan bertulis, kekangan kewangan, dan kurangnya pengiktirafan institusi rasmi sering kali menjadi cabaran besar kepada pertubuhan ini.

Selain itu, pendokumentasian lisan juga mendedahkan bagaimana kompong Fatani bukan sekadar alat muzik, tetapi medium untuk menyampaikan nilai-nilai agama, tradisi, dan perpaduan dalam masyarakat. Kesaksian lisan daripada pemain kompong generasi lama juga menggambarkan bagaimana seni ini mengalami transformasi dari segi corak permainan dan penyampaian, namun tetap berpegang pada nilai-nilai asas yang diwarisi turun-temurun. Walaupun teknologi moden menawarkan peluang untuk mendokumentasikan seni ini dalam bentuk video atau audio, masih wujud jurang yang besar dalam aspek penyebarannya kepada masyarakat yang lebih luas, termasuk di peringkat antarabangsa.

**Penghargaan:** Dengan rasa penuh syukur, kami ingin merakamkan penghargaan yang tulus kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan sepanjang menjalankan kajian ini mengenai pendokumentasi lisan pertubuhan seni kompong Fatani. Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan kami tujukan kepada guru kami, Sir Jafalizan Bin Md Jali, yang telah banyak memberikan bimbingan, dorongan, dan nasihat sepanjang proses kajian ini. Tanpa tunjuk ajar dan sokongan beliau, kajian ini mungkin tidak dapat diselesaikan dengan baik.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada tokoh-tokoh seni kompong Fatani yang telah meluangkan masa untuk ditemu bual, berkongsi pengalaman, dan memberikan pandangan yang sangat berharga. Kesudian mereka membuka pintu kepada dunia seni tradisional ini telah memberikan inspirasi kepada kami untuk lebih mendalami warisan budaya kita. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan kami yang sentiasa memberikan sokongan moral dan membantu dalam proses kajian ini, sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Kerjasama mereka dalam memberikan idea, menemani semasa sesi temu bual, dan membantu dalam penyediaan bahan kajian amat kami hargai.

Akhir sekali, penghargaan juga kami tujukan kepada keluarga yang sentiasa memberikan dorongan dan memahami keperluan kami untuk meluangkan masa bagi menyelesaikan kajian ini. Sokongan mereka menjadi kekuatan kami sepanjang perjalanan ini. Dengan ini, kami berharap kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang ingin mendalami seni kompong Fatani dan membantu dalam usaha memelihara warisan budaya yang tidak ternilai ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Hakimi bin Khairuddin. (2022). Warisan Kebudayaan: Memahami Konsep Mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Pbb) Dan Antropologi Kebudayaan Serta Pemahaman Di Malaysia: Cultural Heritage: Understanding The Concept According To The United Nations And Cultural Anthropology As Well As How It Is Understood In Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(1), 19–34. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/40299>
- Apa itu Warisan? (2024). Retrieved from Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang: [https://www.penang.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=360790&Itemid=1650&lang=ms](https://www.penang.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=360790&Itemid=1650&lang=ms)
- Bernama. (2024, June 23). Pertandingan kompong dan persebahan rebana nusantara perkukuh jaringan budaya serumpun. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2310550>
- Hussin, N. N., & Mohd Yusoff, M. (2022). Pengekalan Budaya Melayu Dalam Masyarakat Melayu Kampung Padang Balang, Gombak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1-11.

Ismail, M. J., Chiat, L. F., & Kamis, M. S. (2019). Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang Kanak-kanak Menggunakan Pendekatan Euritmik. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 19-31.

*Kompang. Pusat rujukan Persuratan Melayu.* (n.d.). Retrieved from Dewan Bahasa dan Pustaka:  
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kompang>

*Muzik Tradisional Kompang Jawa.* (n.d.). Retrieved from Pemetaan budaya:  
<https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/senibudaya/detail/758/pengenalan>

Perbadanan Pengurusan Warisan Negara. (2025). Seni muzik: Definisi dan kepentingannya dalam budaya Malaysia. Jabatan Warisan Negara. <https://www.heritage.gov.my/my/muzik.html>

Ramadona, Y., & Nursyirwan. (2014). Pertunjukan Kompang Bengkalis: Dari Arak- Arakan ke seni pertunjukan. *Jurnal Ekspresi Seni*, 1-167.

JJKN P.P (2020, October 19). Jom belajar kompong 1 1 [Video]. YouTube.  
[https://youtu.be/\\_ZIpbaCSct0?si=k8oSlXcCEijC\\_dKA](https://youtu.be/_ZIpbaCSct0?si=k8oSlXcCEijC_dKA)

Rizky, R. (2023, January 14). *Mengenal Kompang: Sejarah, Fungsi, dan cara memainkannya*. Retrieved from Kompas:  
<https://regional.kompas.com/read/2023/01/14/155924678/mengenal-kompang-sejarah-fungsi-dan-cara-memainkannya>

Yusoff, M. Y. (2018). Pemulihraan Warisan Budaya Melalui Perundingan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 143-159.